

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 4. BIL. 14.

BANDAR BRUNEI, RABU, 15 JULY, 1959 (10 Muharram, 1379)

PERCHUMA

LAWATAN INI TA' DAPAT DI-LUPAKAN

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan telah mendapat pujuan tinggi atas kebijaksanaan baginda memelihara Negeri Brunei kerana kemajuan dan keadaan aman yang dapat di-capai di-Brunei pada masa ini.

Pujian itu telah di-lafazkan oleh Ketua Negara Persekutuan Tanah Melayu, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dalam Majlis Perpisahan yang di-adakan di-Istana Darul Hana Brunei pada malam 11 July ini.

Seri Paduka itu telah berangkat ke-balek ka-Persekutuan Tanah Melayu pada keesokan-nya setelah berada di-Brunei dari 6 hari kerana satu lawatan muhibbah sa-bagai membalas lawatan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan ke-Persekutuan baharu2 ini.

Titah Seri Paduka itu ada-lah seperti berikut :

Pada esok hari dengan izin dan rahmat Allah Subhanahu-wata'at sempurna-lah lawatan Kakanda ka-Negeri Brunei Darul Hana pada kali yang pertama dengan selamat-nya.

Oleh itu maka pada sa'at yang sedang gemilang ini kakanda ber-teri kerana mengucap shukor Alhamdulillah ka-hadkrat Tuhan Al-Babbil-'alamin dan juga kepada Seri Paduka Adinda serta Paduka Seri Paduka Raja Isteri, Kerabat2 Diraja dan Orang2 Besar Paduka Adinda atas chara sambutan, segala layan2an dan budi pekerti yang telah kakanda terima di-dalam masa kakanda berada di-Negeri Brunei yang indah ini.

Perasaan muhibah yang mesra ini akan tinggal menjadi kenangan yang kekal dan akan disemadikan di-dalam sanubari kakanda dan kakanda Raja Permaisuri Agong sa-lagi ada chakrawala mengidari di-dalam alam ini.

Sejarah dunia telah menyaksikan bahawa perhubungan di-antara kedua2 buah negeri kita ini telah ada sedia zaman berzaman dan perhubungan itu telah bertambah2 kokoh bukan sahaja

di-antara ra'ayat sesama ra'ayat bahkan di-antara raja kedua2 negeri.

Oleh sebab itu tidak-lah menjadi hairan manakala perasaan muhibbah itu berselira di-dalam

dan perhubungan yang suchi murni.

Baharu sahaja pada pagi tadi kakanda dengan sukachita-nya telah meletakkan batu asas tanda lawatan kakanda ka-Negeri Brunei Darusalam ini. Dengan terdiri-nya tanda ini maka ujudlah suatu lagi dalil yang menun-

(Lihat muka 8)

ISTIADAT MEMBERI SELAMAT



DYMM RENJISKAN AYER BERBUEH KAPADA SERI PADUKA BAGINDA

BANDAR BRUNEI. — Satu adat istiadat Brunei tua dalam mengucapkan selamat datang kapada Duli2 Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong ka-Brunei telah di-adakan di-Istana Darul Hana di-sini pada pagi 8 July sudah.

Istiadat telah di-mulakan dengan renjisan ayer berbueh kapada Seri Paduka oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

Renjisan ayer berbueh sa-terus nya di-lakukan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri Brunei kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong.

Istiadat merinjis telah mengambil tempat di-Balai Penghadapan di-atas petarana yang telah disediakan 4 biji kerusi Diraja untuk baginda2.

Duli2 baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong bersemayam bersaingan. Di-sabelah kanan Yang di-Pertuan Agong ia-lah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan di-sabelah kiri Raja Permaisuri ia-lah

Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri.

Sa-telah ayer berbueh itu selesai di-renjiskan doa selamat pula di-bacha oleh Naib Kadhi Tutong, Tuan Ishak Adam.

Istiadat memberi selamat datang ini sa-patut-nya di-adakan pada hari Seri Paduka itu sampai di-Brunei tetapi telah ditanggohkan kerana hendak memberi rehat kapada baginda.

Lebih 300 orang antara-nya wazir2 dan cheteria2 serta isteri2 mereka, ahli2 majlis meshuarat negeri dan pembesar2 Negeri Brunei telah hadir dalam istiadat tersebut.

Batu peringatan jadi lambang persaudaraan

BANDAR BRUNEI. — Perhubungan erat antara Brunei dengan Persekutuan Tanah Melayu ada-lah di-lambangkan oleh suatu batu peringatan yang asas-nya telah di-letakkan oleh Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang di-Pertuan Agong pada masa baginda melawat ka-Brunei dari 6 hingga 12 hariulan ini.

Istiadat meletakkan batu asas itu telah di-saksikan oleh beribu2 orang ra'ayat dari segala bangsa. Batu peringatan itu terletak di-simpang Jalan Sultan dengan Jalan Elizabeth Kedua di-antara bangunan Kerajaan dengan bangunan Pejabat Pos di-Bandar Brunei.

Dalam satu ucapan yang ringkas Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong bertitah :

"Beta dengan amat sukachita-nya menjalankan istiadat meletakkan batu asas bagi peringatan lawatan beta ka-negeri Brunei yang amat di-kasehi ini.

Beta berdo'a mudah2an batu peringatan ini akan menjadi lambang perhubungan yang erat di-antara negara Persekutuan Tanah Melayu dan Negara Brunei pada sa-panjang2 masa.

Bagaiman tegoh-nya batu peringatan ini, maka bagitu-lah kuat-nya perhubungan silatul rahim di-antara dua buah negeri ini dan dengan nama Allah beta meletakkan batu asas inide-ngan segala perasaan megah dan gembira yang amat sangat."

Lantekan guru sains baharu

Tuan I. B. McKnight telah dilantek menjadi Pegawai Pelajaran (Guru Ilmu Sains) Pejabat Pelajaran, Brunei, mulai 3 June, 1959.

SERI PADUKA LAWAT PADANG MINYAK BRUNEI

KUALA BELAIT. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong Persekutuan Tanah Melayu telah menaiki motokar sa-jauh hampir 70 batu dari Bandar Brunei ka-sini kerana menyaksikan perusahaan minyak di-Seria ia-itu kawasan minyak yang terkaya sekali di-seluruh Commonwealth British.

Baginda berangkat menaiki kereta masing2 Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan bersama dengan Seri Paduka dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri bersama dengan Raja Permaisuri Agong.

Ketua Negara Persekutuan Tanah Melayu itu berada di-Brunei kerana satu lawatan muhibbah. Baginda sampai di-Brunei pada hari Ithnin dengan kapal terbang dari Kuala Lumpur.

Rombongan Diraja itu di-irangi oleh pembesar2 negara dari Brunei Duli Pengiran Bendahara Duli Pengiran Pemancha, Yang Berhormat Tuan D.C. White, British Resident dan Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar, Penolong Resident Belait, dan telah sampai di-Seria pada pukul 9.20 pagi ia-itu sa-telah hampir 1½ jam berjalan dari Bandar Brunei.

Seri Paduka dan rombongan Diraja itu terus berangkat ka-Kuala Belait kerana menerima barisan kehormatan yang terdiri dari pasukan Polis Persekutuan Tanah Melayu.

Pasukan itu berada di-Brunei di-bawah satu perjanjian keselamatan di-antara Brunei dengan Persekutuan Tanah Melayu.

Sa-panjang jalan dari Bandar Brunei ka-Kuala Belait, Duli2 Baginda itu telah dialu2kan dan

Baginda2 melawat mesjid

BANDAR BRUNEI. — Mesjid Omar Ali Saifuddin di-sini telah menerima pelawat2 Diraja pada 8 dan 10 July lepas.

Pelawat2 itu ia-lah Duli2 Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong Persekutuan Tanah Melayu.

Baginda Raja Permaisuri Agong telah melawat ka-mesjid yang ber-harga \$8 juta itu pada 8 July dengan di-pandu oleh Setiausaha Sambutan Ketibaan Diraja Inche Jamil bin Pehin Udana Khatib Awang Umar.

Baginda Yang DiPertuan Agong telah menaiki menara yang tinggi-nya lebih 200 kaki itu pada 10 July sa-lepas menghadiri jamuan teh di-kawasan mesjid itu.

Jamuan itu di-persembahkan oleh Persatuan Islam Brunei.

di-lambai2 oleh ra'ayat dan murid2 sekolah yang berdiri di-kiri kanan jalan menyebutkan "Daulat Tuanku".

Rombongan Diraja itu terpaksa berjalan perlahan2 di-beberapa tempat untuk memberi kesempatan kepada Seri Paduka membalas sambutan meriah daripada ra'ayat.

Di-Kuala Belait baginda disambut oleh Pegawai Daerah Belait Pengiran Momin dan Pegawai Daerah Seria, Inche Abdul Ghani.

Sa-lepas memeriksa barisan kehormatan itu rombongan Diraja itu pun berangkat ka-Istana Kota Manggalela untuk berehat sementara sa-belum berangkat ka-Shell Recreation Club Seria kerana menyaksikan pameran alat dan perkakas pengorek minyak dan dagangan2 minyak.

Sedang baginda memuji2 barangan2 yang di-pamerkan itu sa-orang kanak2 perempuan, Shirley, Ruffet, anak sa-orang pekerja sharikat Brunei Shell telah

berjaya menembusi kawalan keselamatan dan masuk ka-dalam bilek pertunjukan itu.

Shirley Ruffet hanya berhajat hendak melihat Seri Paduka dan Raja Permaisuri Agong dari jarak yang lebih dekat lagi.

Rombongan Diraja itu kemudian di-bawa melawat ka-lain2 tempat2 di-kawasan minyak. Seri Paduka telah juga di-bawa ka-tempat Sharihat itu mengorek perigi-nya yang baharu sekali sa-lepas melawat ka-sekolah pertukangan.

Seri Paduka dan rombongan Diraja itu telah di-raikan oleh Yang Berhormat Tuan R. E. Hales, Managing Director dalam satu majlis santap tengah hari di-rumah-nya di-padang minvak.

Pada malam-nya Baginda di-raikan oleh Penolong Resident Belait Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar dalam satu majlis perjamuan yang di-hadiri oleh hampir 500 orang pembesar2 Belait dan Seria.

Di-Padang Kuala Belait telah di-adakan berbagai2 permainan dalam satu temasha malam untuk ra'ayat kerana menghormatkan lawatan Diraja itu.

TEMASHA MALAM MERAYAKAN KETIBAAN SERI PADUKA

BANDAR BRUNEI. — Temasha2 malam telah di-adakan berturut2 tiga malam di-sini kerana merayakan ketibaan Duli2 Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong, Persekutuan Tanah Melayu.

Baginda2 itu telah berada di-Negeri ini dari 6 hingga 12 July sudah.

Temasha2 tersebut telah di-adakan mulai pada 6 July malam dan berakhir pada 8 July malam dengan pertunjukan2 meriah.

Tiga buah pentas telah di-dirikan di-Padang Besar Pekan Brunei, satu2-nya untuk sandiwara2 Melayu, wayang China dan pertunjukan2 silat, kuntau dan Siayau.

Pertunjukan wayang China hanya di-adakan dua malam dari malam kedua menakala sandiwara Melayu di-selang dengan malam aneka warna pada malam kedua, malam pertama dan ketiga di-adakan sandiwara2 Melayu.

Pertunjukan panchak silat di-adakan terus menerus sa-lama tiga malam.

Pada ketiga2 malam padang telah penuh sesak dengan penun2 dari segala bangsa. Orang2 dewasa dengan memakai pakaian serba baharu dan aneka warnawarni.

Temasha malam di-buka dengan satu babak sandiwara yang berdasarkan tawarikh Malaya ia-itu "Panglima Awang" dan pada malam akhir di-tutup dengan cerita yang berdasarkan tawarikh Brunei ia-itu "Jong Batu".

Kedua2 babak sandiwara telah

di-selang dengan tarian2 asli Brunei, nyanyian dan lawak jenaka persembahan orang2 ramai.

Balek dari MAHA

BANDAR BRUNEI. — Rombongan Brunei ka-pertunjukan MAHA di-Kuala Lumpur telah balek ka-sini baharu2 ini sa-telah mendapat kejayaan dalam pertunjukan pertanian dan pertukangan yang di-langsungkan selama empat hari hingga 6 July ini.

Barang2 perak yang berharga hampir \$10,000 buatan tukang2 perak negeri ini hampir semuanya di-jual dalam pertunjukan tersebut.

Rombongan itu di-ketuai oleh Inche Hamidoon bin Awang Damit, Pegawai Tanam2an dan Inche Tahir bin Pehin Udana Khatib telah mewakili tukang2 perak Brunei.

HARGA PETROL TURUN

BANDAR BRUNEI. — Harga petrol di-Brunei telah di-turunkan kepada 84 sen sa-gallon mulai 11 July, demikian di-umumkan oleh sharikat Harrisons and Crossfields, wakil tempatan kepada sharikat Shell Petroleum Company Limited.

Kemalangan kereta: sa-orang terbunuh

TELISAI. — Sa-orang laki Melayu, Idris bin Awang Ad telah mati di-rumah sakit Kuala Belait dalam minggu lepas tida lama sa-telah di-masokkan ke rumah sakit itu berikutan deng kemalangan kereta.

Sa-buah taxi muatan 7 orang penumpang yang membawa Idris dan lain2 orang telah terbalek di sini.

Empat orang lagi dalam taxi itu telah terchedera. Mereka ia-lah Chin Ah Sung, driver, Tan Peng Yau, Isan bin Baki dan Timbang binti Kehan.

3 IBAN DI-JATOHKAN HUKUMAN BUNUH

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang laki2 Iban yang di-tuduh membunuh sa-orang pekedai China Lim Teow Sim di-Paduan pada 24 February telah di-kenakan hukuman gantung oleh Tuan Hakim G. Briggs dalam mahkamah tingg di-sini pada 3 July.

Mereka itu ia-lah Buntu an Nyanyan, Ngang atau Jamban anak Ujil, dan Pilang anak Igang.

Perbicharaan telah di-jalan kan dengan hakim di-bantu oleh dua orang pengapit — Tuan R.D. Ross dan Tuan James Ennis.

Pihak penda'awa telah di-tuai oleh Tuan G.V.G. Young, penolong peguam agong dan tiga2 orang yang di-tuduh itu ia-bela oleh Tuan H.C. Johnson dari Labuan dan Tuan E.L. Hawkins dan Tuan W. K. I dari Jeselton.

Mengikut keterangan beberapa orang ahli keluarga si-mati telah di-serang. Isteri Lim dan sa-orang anak mereka telah m dapat luka.

Sambutan tahun Hijrah

BANDAR BRUNEI. — Sambutan peredaran pilehan peringkat pertama bachean Quoran telah di-adakan di-Mesjid Omar Ali Saifuddin di-sini pada 12 July lepas.

Peraduan ini ada-lah sa-ba satu acara sambutan tahun hijrah Hijrah 1379, dan di-adakan atas anjoran Persatuan Islam Brunei.

Sa-panjang peraduan di-lankan orang ramai telah datang beramai2 menyaksikan peraduan mesjid itu. Pehin2 dan guru agama telah bersama hadir menyaksikan peraduan tersebut.

Peraduan telah berjalan dengan lalin dan memuaskan, dan telah mendapat sambutan hangat dari para peserta dan kaum muslimin.

EMBAR BERGAMBAR LAWATAN SERI PADUKA



Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong telah di-sambut dengan meriah di-mana2 juga baginda2 itu berada di-Brunei sa-lama lawatan muhibbah Diraja yang berlangsung dari 6 hingga 12 July ini.

Ra'ayat beribu2 bilangan-nya telah turut bersama pembesar2 negara mengalu2kan kedatangan baginda.

Di-kiri kana jalan murid2 sekolah telah berator melambai2kan bendera Persekutuan dan Brunei menghormati pelawat2 Diraja itu.

Gambar2 ini menunjukkan (kiri — atas) Seri Paduka menerima bariisan kehormatan dari pasukan Polis Brunei di-Lapangan terbang sa-jurus sa-telah turun dari kapal terbang dan (kanan) Yang Berhormat Pengiran Yusof melayan Duli2 Baginda2 itu dalam majlis Perjamuan di-Kuala Belait.

Kiri tengah: Seri Paduka di-sambut oleh Yang Berhormat Tuan R. E. Hales di-sekolah pertukangan, BSP, Seria dan kanan Seri Paduka turun dari kereta di-iringi oleh Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar Penolong Resident, Belait.

Di-bawah, kiri: Seri Paduka memberi minum selamat kepada Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan di-Jamuan Diraja di-Istana Darul Hana, kiri: Pemandangan di-lapangan terbang Berakas.



—bawah sa-kali: Pemandangan dalam Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei sa-jurus sa-lepas sembahyang Juma'at. Seri Paduka di-kerumuni oleh ahli2 jumaah yang ingin hendak bersalaman dengan baginda.
Kiri Seri Paduka dudok bersama Duli Yang Maha Muli sa-belum meletakkan asas batu peringatan lawatan baginda ka-Brunei. Batu peringatan itu di-bena di-simpang Jalan Sultan dengan Jalan Elizabeth Kedua di-Bandar Brunei.

PELITA BRUNEI

Bandar Brunei
RABU, 15 JULY, 1959.

CHATATAN BAHARU DALAM SEJARAH NEGERI BRUNEI

Chatatan baharu dalam sejarah chemerlang Negeri Brunei telah di-rakamkan oleh lawatan Ketua Negara Persekutuan Tanah Melayu, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong yang telah berada di-negeri ini sa-lama sa-minggu dalam minggu lepas.

Dalam ucapan2 di-majlis yang di-adakan kerana menghormati kedatangan Baginda, tali persaudaraan dan persahabatan yang sedia ada di-antara kedua buah negara itu tidak sunyi di-sebut oleh kedua belah pihak.

Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dalam ucapan titah Baginda dalam Majlis Perpisahan yang di-adakan di-Istana Darul Hana malam sa-belum lawatan Diraja itu di-tamatkan pada tengah hari 12 July menegaskan bahawa tali persaudaraan itu bukan-nya sebutan sa-hari dua, tetapi telah mula terjalin 500 tahun yang lampau semenjak pemerintahan Sultan Mohamed yang pertama yang telah mengikat tali persaudaraan yang erat dengan Ratu Melaka.

Lawatan Ketua Negara Persekutuan Tanah Melayu itu telah mengokohkan lagi tali persaudaraan Brunei dengan Persekutuan Tanah Melayu yang ra'ayat-nya memang berasal dari "satu bangsa, satu bahasa, satu agama dan satu kebudayaan dan kesenian."

Tidak shak lagi mengikut titah Duli Yang Maha Mulia usor2 itu akan merupakan sa-buah jambatan ajaib di-Lautan China yang pada masa ini memisahkan Brunei dengan Persekutuan Tanah Melayu.

Ketua Negara Persekutuan Tanah Melayu pula mengakui bahawa perhubungan di-antara Brunei dengan Persekutuan telah di-saksikan oleh sejarah dunia sejak zaman berzaman dan perhubungan itu telah bertambah kokoh bukan sahaja di-antara ra'ayat sa-sama ra'ayat bahkan di-antara Raja2 kedua buah negeri itu.

Yang demikian "tidak-lah menjadi hairan manakala perasaan muhibbah itu berselira di-dalam darah daging kita kerana perasaan itu telah terbit di-dalam kandungan yang ramah mesra dan perhubungan yang suchi murni."

Untuk membuktikan bahawa tali persaudaraan itu akan berkekalan Seri Paduka telah bermurah hati meletakkan asas batu peringatan atas lawatan Baginda ka-Brunei dan Baginda telah berseru "mudah2an batu peringatan ini akan menjadi lambang perhubungan yang erat di-antara Negara Persekutuan Tanah Melayu dan Negara Brunei pada sa-panjang2 masa."

Persaudaraan Brunei-Malaya terjalin 500 tahun dahulu **BRUNEI SEDIA MEMBANTU MALAYA**

Ikrar bahawa Brunei akan bersedia memberi bantuan sadya upaya-nya kepada Persekutuan Tanah Melayu telah di-lafazkan oleh Duli Yang Maha Mulia dalam ucapan baginda memberi selamat berangkat balek ka-Persekutuan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong.

Duli Yang Maha Mulia menegaskan ikrar itu telah di-beri oleh Baginda di-Kuala Lumpur tidak lama dahulu kepada Perdana Menteri Persekutuan dalam Majlis Jamuan Agong yang di-adakan di-Dewan Tengku Abdul Rahman di-Kuala Lumpur.

Ucapan baginda yang di-lafazkan di-Istana Darul Hana pada malam 11 July itu berbunyi:

Paduka kakanda beta,

Lebeh dahulu adinda mengucap shukur kepada Allah Subhanahu Wataala atas rahmatnya membukakan hati Paduka kakanda berangkat mengunjung adinda dan Negeri Brunei Darul-Salam ini, dan dengan keshukuran kepada Allah, adinda dengan perasaan penoh tulus ikhlas mengucapkan terima kasih atas kesudian Paduka kakanda berangkat ka-Brunei dan sudi mengunjung majlis santap pada malam ini.

Adinda sangat berasa bangga dalam mengalu2kan dan menyambut keberangkatan Paduka kakanda, adinda rasa ada-lah menjadi satu kehormatan bagi Negeri dan raayat adinda dan adinda sendiri, kerana lawatan pertama dari Paduka kakanda ka-luar negeri, tetapi juga ada-lah menjadi kenangan sejarah yang ta-kunjung hilang di-telan masa, antara Paduka kakanda dan

adinda serta raayat Negeri Brunei sakalian.

Bukti sejarah memang tidak dapat di-sangkal, perhubungan persaudaraan yang mengikat Brunei dengan Persekutuan Tanah Melayu, bukan-lah hanya sebut2an mulut yang baharu di-zahirkan sa-hari dua, bukan sa-tahun dua, dan juga bukan sa-puluh, dua puluh tahun, tapi ada-lah sejak 500 tahun yang lampau, dari sejak pemerintahan Sultan Mohamad yang pertama.

Baginda, Al-marhum itu mengikat tali persaudaraan yang erat dengan Ratu Melaka maka dengan keberangkatan Paduka kakanda sendiri, sa-sudah Persekutuan Tanah Melayu Merdeka ini, adinda rasa bukan sahaja menambah erat perhubungan persaudaraan Brunei dengan Persekutuan Tanah Melayu yang memang berasal dari satu bangsa, dari satu bahasa dari satu agama, dan satu kebudayaan dan kesenian itu, tapi juga mudah2an perasaan muhibbah dan kasih sayang sedia tersemat di-sanubari itu akan mendalam dan berkekalan, dan akan merupakan jambatan ajaib di-lautan China.

Paduka kakanda,

Adinda tidak dapat membayangkan dengan kata2 biasa, betapa besar-nya hati adinda menerima bintang kehormatan tertinggi daripada Paduka kakanda dan segala sambutan meriah yang telah Paduka kakanda berikan kepada adinda dalam masa lawatan adinda ka-Persekutuan Tanah Melayu baharu2 ini, mudah2an Allah Subhanahu Wataala yang maha berkuasa akan

membalas budi baik Paduka kakanda serta para Menteri Negeri Paduka kakanda.

Adinda mengucapkan sa-tinggi tahniah atas kejayaan yang telah di-chapai oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan begitu chepat dan maju walau pun dia baharu sahaja mencapai kemerdekaan penoh.

Tapi apa yang dapat adinda saksikan dalam masa lawatan singkat adinda itu, nyata-lah kemajuan2 dan pembenaan pentadbiran, pelajaran, ekonomi dan siasah yang telah di-chapai oleh Kerajaan Paduka kakanda itu sangat menarik perhatian adinda lebeh2 lagi. Kerajaan Paduka kakanda itu lah dapat memulehkan keamanan dari bahaya ancaman pengganas kumunis di-sana.

Adinda berdo'a sa-moga Persekutuan Tanah Melayu yang di-bawah naungan Paduka kakanda itu akan terus maju dan kekal aman sentosa, serta akan dapat bersaing dengan negara2 yang bebas dalam melaksanakan keamanan, kemaamanan dan kebebasan bangsa2 di dunia.

Dalam masa lawatan adinda ka-Persekutuan Tanah Melayu baharu2 ini, adinda dalam masa jamuan agong Perdana Menteri bagi pihak Kerajaan Paduka kakanda di-Dewan Tengku Abdul Rahman, Kuala Lumpur, adinda telah menyatakan adinda dan Kerajaan Brunei ingin akan memberi pertolongan sa-daya upaya yang dapat di-buat oleh Kerajaan adinda.

Di-sini lagi sa-kali lagi adinda dengan ikhlas mengulangi bahawa kenyataan yang telah adinda churahkan itu insya Allah adinda akan tetap sematkan di-kalbu adinda.


Paduka kakanda,

Oleh kerana di-mana2 sahaja adinda berada, sa-masa di Persekutuan, sambutan yang berikrarkan rasa muhibbah sentiasa di-bayangkan oleh Paduka kakanda dan Duli Yang Maha Mulia Sultan2, di-negeri2 dalam Persekutuan.

Sungguh pun Malaya dengan Brunei ini di-pisahkan oleh Lautan China tetapi sa-saat pun adinda tidak merasa kesunyian bahkan adinda rasa sama-lah juga adinda berada di-Brunei.

Adinda perchaya dan adinda berharap sungguh pun Brunei ini hanya mempunyai keluasan 2226 persegi batu, dan keadaan2 belum-lah mendapat sa-bagaimana yang sa-patutnya sa-lama Paduka kakanda berada di-Darussalam ini, Paduka

(Lihat muka 8)



Pemandangan dalam istiadat merenjis ayer berbueh. Duli2 Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong serta Duli2 Yang Maha Mulia Sultan dan Raja Isteri kelihatan bersemayam sa-belum melakukan istiadat merenjis ayer berbueh.

Brunei akan hulorkan tangan untuk kebajikan Persekutuan

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Negeri Brunei akan terus memberi bantuan sa-chara yang terdaya oleh-nya kerana kebajikan Negara Persekutuan Tanah Melayu supaya Persekutuan maju dan mamor.

Ikrar ini telah di-beri oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha sa-bagai wakil Kerajaan Negeri Brunei dalam Majlis Jamuan Agong yang diadakan di-Civic Centre, Bandar Brunei pada malam 7 July.

Majlis itu di-adakan ia-lah kerana Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu yang telah tiba di-Brunei pada hari Ithnin kerana melawat sama sa-minggu.

Lebih 300 orang telah hadir dalam majlis tersebut. Para tamu termasuk Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong dan Dato Abdul Aziz bin Haji Abdul Marid Setiausaha Tetap di-Pejabatan Perdana Menteri Persekutuan yang telah membalas ucapan bagi pihak Seri Paduka.

Ucapan Duli Pengiran Pemancha berbunyi seperti di-bawah ini :

Daulat Tuanku,

Patek bagi pihak Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana al-Sultan Brunei serta sakalian rayat Negeri Brunei ini dengan perasaan penuh keikhlasan yang terbit dari lubok jiwa patek2 sakalian mengalu2kan serta mengucapkan "Selamat Duli2 Tuanku berangkat ka-Brunei".

Kerajaan Brunei sangat berbesar hati dan berasa megah di atas kesudian Duli Tuanku berchemar Duli ka-Negara "tetangga saudara" Duli Tuanku ini.

Patek2 sakalian faham, bahawasanya sejak Duli Tuanku memegang tajok pemerintahan Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka dan berdaulat pada akhir tahun 1957, ini-lah kali pertama-nya Duli Tuanku serta Raja Permaisuri Agong berangkat ka-luar negeri, dan lebeh2 lagi keberangkatan pertama itu ada-lah Duli Tuanku tujuan ka-Brunei.

Hal ini ada-lah menjadi satu kehormatan yang besar bagi Negeri Brunei, kerana Duli Tuankulah satu2-nya Raja dari Negara Merdeka yang pertama kali melawat ka-Brunei ini, tidak shak lagi lawatan muhibbah yang Duli Tuanku lakukan ini akan menjadi chatatan sejarah antara Brunei dengan Persekutuan Tanah Melayu, dan akan menyimpul lebeh2 erat lagi ikatan persaudaraan yang telah sedia tersimpul, patek2 sakalian berharap sa-moga sa-lama Duli Tuanku bersemayam di-Brunei ini akan dapat-lah melihat keadaan2 di-Brunei dan sa-moga Duli Tuanku akan sentiasa dalam ke-

gembiraan dan sihat afiat.

Duli Tuanku,

Kerajaan Brunei ada-lah sangat2 terutang budi kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, kerana bukan hanya Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dapat memberi peluang dan kesempatan pada Kerajaan Brunei melateh anak2 Brunei ka-Malaya, tetapi juga telah memberi pertolongan yang besar nilai-nya dengan menghantar beberapa orang pegawai yang maher ka-Brunei untuk menolong dan memberi bantuan2 dan panduan2 bagi faedah Negeri Brunei ini.

Patek dengan ikhlas, sa-kali lagi mengucapkan terima kasih atas kesudian dan keikhlasan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu itu, lebeh2 lagi Kerajaan Brunei ada-lah sangat berbesar hati dan merasai sangat megah atas keikhlasan dan kehormatan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang telah di-beri-nya kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei dalam lawatan-nya ka-Malaya baharu2 ini.


Ada-lah jelas bahawa kehormatan dan sambutan meriah yang di-beri kepada baginda itu satu kehormatan yang di-balut oleh perasaan muhibbah yang ikhlas. Mudah2an perasaan muhibbah itu akan terus berkekalan.

Duli Tuanku,

Sungguh pun Brunei Darul-Salam ini hanya merupakan sa-buah Negara yang kecil dan maseh kekurangan dalam beberapa perkara, tetapi sa-bagai sa-buah negara yang tetap terikat dalam erti persaudaraan, patek, bagi pihak Kerajaan Brunei dengan sukachita menzahirkan sa-kali lagi kepada Duli Tuanku, bahawa perasaan muhibbah yang telah sedia tumbuh di-lubok jiwa rayat Brunei itu akan tetap subur dan mekar dan akan sentiasa, dengan sa-chara yang terdaya oleh Kerajaan Brunei menghulorkan tangan bagi kebajikan Negara Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka, dan patek berdoa sa-moga Persekutuan Tanah Melayu akan sentiasa maju ma'amor dan menyumbangkan jasa baik-nya bagi faedah dunia am-nya dan rayat Melayu khas-nya.

Duli Tuanku,

Sekain-lah persembahan patek, sa-kali lagi patek doakan sa-moga keberangkatan Duli Tuanku ka-Brunei ini akan mendatangkan kebahagiaan dan Duli Tuanku serta Raja Permaisuri Agong sentiasa dalam kegembiraan dan sihat afiat.



Pembesar2 Negeri Brunei, ahli2 majlis meshuarat negeri dan pegawai2 pentadbir Brunei serta isteri2 mereka telah di-perkenalkan kepada Seri Paduka Yang Dipertuan Agong oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha. Dalam gambar ini kelihatan isteri Inche Ali bin Awang Besar di-perkenalkan kepada baginda di-lapangan terbang, Berakas.

"BETA TA' SIFATKAN LAWATAN INI KA-SABUAH NEGERI ASING"

BANDAR BRUNEI. — Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ada-lah bersedia melateh pegawai dan penuntut2 Brunei belajar di-University of Malaya dan maktab2 yang ada di-Persekutuan pada masa ini.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dalam titah-nya menjawab ucapan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha di-Civic Centre, di-sini berkata baginda berharap Brunei akan menambah bilangan penuntut2-nya belajar di-maktab2 itu.

Tawaran itu telah di-beri oleh baginda sa-bagai menyambut ikrar tolong menolong yang telah di-lafazkan oleh Duli Pengiran Pemancha.

Majlis itu tidak di-hadiri oleh Seri Paduka. Baginda telah di-nasihatkan oleh doktor supaya berehat sa-belum menjalinkan ranchangan2 yang telah di-tetapkan oleh Jawatan Kuasa Sambutan Lawatan Diraja itu.

Titah baginda seperti berikut telah di-bachakan oleh Dato Abdul Aziz bin Haji Majid, Setiausaha Tetap, Pejabat Perdana Menteri Persekutuan yang menjadi salah sa-orang dari rombongan Diraja itu :

Beta amat-lah sukachita mendengarkan titah yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha mengalu2kan beta dan Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong yang telah datang melawat ka-Negeri Brunei ini bagi kali yang pertama-nya.

Sa-sungguh-nya beta serta Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong telah berasa sukachita tatkala menerima jemputan Duli Tuanku Yang Maha Mulia Sultan Brunei datang melawat, dan bagi pihak beta serta Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong beta mengucapkan sa-

tinggi terima kasih di-atas tem-jemputan itu dan juga di-atas segala chara2 sambutan dan layanan yang beta serta ahli2 rombongan telah menerima daripada Kerajaan Negeri Brunei ini.

Sungguh-nya ada-lah lawatan beta ka-Negeri Brunei ini ia-lah suatu lawatan yang beta sifatkan sa-bagai lawatan ka-Negeri saudara sendiri dan bukan-lah kasuatu Negeri yang asing.

Negeri Brunei ia-lah suatu Negeri yang telah sedia pada zaman berzaman dan bersejarah berjiran dengan Negeri Persekutuan (Lihat muka 6)

SERI PADUKA KUNJONGI POLIS DIRAJA

SERIA. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu telah mengadakan satu lawatan mengejut kawasan perkhemahan pasokan Polis Diraja Persekutuan di-sini pada petang hari Khamis lepas.

Baginda berangkat bersama Raja Permaisuri Agong dari Istana Kota Manggala yang tidak jauh dari kawasan perkhemahan itu.

Dalam titah-nya kepada anggota2 Polis itu baginda berharap agar perkhidmatan chemerlan mereka di-Brunei akan terus menerus. Salanjut-nya Baginda bertitah supaya anggota2 Polis itu sentiasa ta'at setia kepada Brunei sa-lama perkhidmatan mereka di-negeri ini.

Pantang larang hanya menakutkan sahaja

Keperchayaan pantang larang yang maseh lagi sa-bati di-kalangan orang tua2 Melayu itu adalah satu soal yang susah hendak di-perchayai atau tidak.

Pantang larang itu ada-lah hanya menakutkan sahaja dan tidak memberi sebab2 sa-benar seperti mendatangkan penyakit jika-lau makan barang2 bersemut atau makan dari di-pinggiran retak.

Di-sini saya gubahkan pantuan mengenai pantang larang orang tua2 yang maseh menjadi keperchayaan itu:

Indah menara di-Kota Kapor, Habis-lah sudah segala riwayat-nya; Anak dara menyanyi di-dapor, Orang tua bakal suami-nya.

Makam ibu tiada berbela, Kerana takut hantu kubor-nya; Makan tebu di-senjakala, Konon mengisap darah ibu-nya.

Pulau ketam kelihatan dekat, Banyak hasil-nya siput karangan; Kalau makan pinggan di-angkat, Alamat kekaseh-nya di-rebut orang.

Walau pun tuan pakai selimut, Chahaya lampu-nya biar-lah malap; Kalau makan barang bersemut, Konon fikiran-nya menjadi gelap.

Cello itu perkakas bunyian, Bertali benang bukan sa-barang; Kalau lalu di-bawah ampai, Nanti senang di-kalahkan orang.

Buluh hutan jangan di-tetak, Tempat tempua membaiki sarang; Kalau makan di-pinggiran retak, Segalakata-nya ta' di-perchayai orang.

Sinar sang suria di-tengah lautan, Kelihatan nelayan menangkap ikan; Benar-kah tidak pantang larangan, Biar-lah sidang pembacha memikirkan.
— Oleh MALA MAS.

WATAK LAKUNAN TERBAIK

BANDAR BRUNEI. — Satu jamuan sate yang di-berikan oleh jawatan kuasa bahagian temasha malam, sambutan ketibaan Yang Dipertuan Agong ka-Brunei telah di-adakan di-kantin kastam di-sini pada petang 12 July.

Tujuan mengadakan jamuan ia-lah kerana memberi penghargaan atas tenaga dan sumbangan yang telah di-berikan oleh ahli2 jawatan kuasa tersebut dan jawatan2 kuasa kecil dan kepada para pelakun yang mengambil bahagian dalam sandiwara2 Melayu dan China.

Pada keseluruhan-nya tiap2 pengerusi telah menchurahkan terima kaseh mereka kepada ahli2 yang berpenat lelah membuang masa memberi bantuan untuk menjayakan acara2 sambutan itu.

Pujian khas telah di-berikan kepada sa-orang wanita yang telah menunjukkan watak lakunannya yang terbaik sa-kali.

Wanita itu telah mengambil bahagian dalam sandiwara "Jong Batu" sa-bagai Dayang Ambun, ibu kepada Nakhoda Manis.

CHENDERA MATA KAPADA PELAWAT2 DIRAJA

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri serta Kerajaan Brunei telah menyampaikan beberapa persembahan kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong sa-bagai chendera mata atas lawatan Diraja itu ka-negeri ini.

Barang2 yang di-persembahkan itu semua-nya dibuat di-negeri ini oleh tukang2 Melayu Brunei.

Antara barang2 itu ia-lah alatan tulis perak yang dibalut dengan emas dan teko teh daripada perak.

Seri Paduka telah juga menerima sa-bilah keris dan sa-pasang persalinan kain tenunan Brunei.

Sa-pasang persalinan dan sa-biji tempat bedak telah di-sembahkan kepada Raja Permaisuri Agong.

Kaum ibu adakan jamuan teh

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Persekutuan Tanah Melayu telah menchemarkan duli menghadhiri satu jamuan teh yang di-persembahkan oleh perkumpulan kaum ibu Brunei di-dewan Civic Centre di-sini pada petang 11 July.

Jamuan itu di-adakan sa-chara mengejut untuk menghormati lawatan baginda ka-negeri ini.

Lebih 300 orang kaum ibu dari segala bangsa, kebanyakan-nya Melayu, China dan Indian telah menjadi tuan rumah.

Kaum ibu telah mengambil kesempatan menyampaikan chendera mata atas lawatan itu kepada baginda.

Persembahan mereka ia-lah dua helai kain tenunan Brunei dan sa-biji tepak rokok daripada perak buatan pandai perak Brunei.



Semenjak pertengahan bulan lepas satu rombongan perubatan dari Pejabat Perubatan Brunei yang di-tugaskan mengambil gambar Xray untuk mengetahui sama ada penduduk2 negeri ini menhidap penyakit batuk kering telah melawat ka-kampung2 di-Kampung Ayer, Bandar Brunei. Disini kelihatan nama penduduk2 di-daftarkan sa-belum peperiksaan di-jalankan oleh ahli2 rombongan yang di-ketuai oleh Dr. P.G. Griffiths, sa-orang pakar batuk kering.

CHARA TOLONG MENOLONG AKAN DI-TAMBAH DI-MASA HADAPAN

(Dari muka 5)

Tanah Melayu. Sunggoh pun kedua2 Negeri kita ini di-cherai-kan oleh lautan yang lebar, akan tetapi tujuan2 Negeri kita kedua itu ada-lah sama, ia-itu tolong menolong satu dengan lain memaju dan mema'morkan ra'ayat2 supaya dapat-lah mereka itu mencapai kema'moran dan kesentosaan serta chara kehidupan yang lebih tinggi.

Beta serta sakalian ra'ayat2 Persekutuan Tanah Melayu sentiasa ingat akan budi dan jasa Kerjaan Negri Brunei ini kerana meminjamkan wang sa-banyak \$100 juta untuk bantuan menyempurnakan ranchangan2 kemajuan perasahan Kerjaan Persekutuan Tanah Melayu.

Jasa ini telah mulai memberi kesenangan dan kelapangan yang baharu kepada ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu dengan chara mengadakan jalan2 raya di-tempat2 yang jauh, mengadakan jambatan2, menolong nelayan2 dan menambah tempat2 perubahan bagi orang2 di-kampung.

Tujuan yang sama bagi Kerjaan kedua2 Negri kita ini telah pun ada saksi-nya manakala Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah beresetuju dengan beberapa sukachita-nya meminjamkan pegawai2 Melayu dari Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ka-Negeri ini untuk membantu Kerjaan Brunei menyusun pentadbiran baharu manakala kuat kuasa Perlembagaan baharu bagi Negri ini mulai berjalan dalam sedikit masa lagi.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dalam titah-nya tadi telah menegaskan bantuan ini dan beta perchaya dalam masa ka-hadapan chara tolong menolong

yang demikian akan bertambah erat.

Beta perchaya ada-lah Kerjaan Negri Brunei ini tentu sedia ma'alum bahawa pada masa ini University of Malaya telah pun di-asingkan dari Singapura dan telah mengadakan satu bahagian di-Kuala Lumpur yang mengadakan pelajaran2 berkenaan dengan Arts, Jurutera dan Ilmu Tanam2an.

Sa-lain daripada ini ada juga maktab2 perguruan, maktab2 latihan bahasa dan maktab Uga-ma Islam. Oleh itu beta harap di-dalam masa yang ka-hadapan ini Kerjaan Negri Brunei akan menambah lagi bilangan penuntut2 belajar di-dalam maktab2 yang tersebut.

Mudah2an dengan ada-nya pertolongan dan kerjasama di-antara kedua Negri kita ini perhubungan persaudaraan yang telah ada sedia pada masa ini akan bertambah kokoh dan dengan jalan itu kedua2 Negri kita ini akan bertambah maju serta mara ka-hadapan di-sisi pentadbiran iktisad dan masharakat.

Beta bagi pehak diri beta sendiri dan Kerjaan Persekutuan Tanah Melayu dengan sukachita-nya menguchapkan sa-tinggi tahniah kepada Kerjaan Negeri Brunei atas kejayaan yang telah di-perolehi-nya di-United Kingdom sedikit masa dahulu berkenaan dengan perundingan untuk mengujudkan satu Perlambagaan baharu yang akan memberi taraf berkerjaan sendiri dalam Negri.

Beta berdo'a mudah2an Perlambagaan yang baharu itu akan menjadi asas bagi ra'ayat dan Negri ini mencapai chita2 yang suchi itu.

12 rekod pechah dalam sukan negeri

SERIA.—Lebeh dari 12 rekod lah di-atasi dalam temasha sukan seluruh Negeri Brunei yang lah di-langsungkan di-Padang Bell Recreation Klab, Setia baru2 ini.

Temasha sukan itu telah di-langsungkan di-bawah anjoran Brunei Amateur Athletic Association, dan pemain2 yang berjaya dalam temasha2 sukan Daerah2 Belait dan Brunei telah mengamban bahagian.

William Yeo dari Sekolah Perikanan Sharikat Minyak Shell; Tony Dye; George Chong; Michael Maturine; A. Sibidol dan anak perempuan-nya Innei Sibidol ia-lah di-antara ahli2 sukan yang telah berjaya mengatasi rekod2 tersebut.

Rose Chong, sa-orang wanita yang terkenal dalam gelanggang sukan di-beberapa temasha sukan seluruh Negeri Brunei pada tahun2 yang lalu, telah berjaya memenangi lumba2 lari 100 ela, 220 ela dan lumba lari lompat pagar, dan lompat jauh.

Keputusan perlawanan2 yang telah di-langsungkan itu ada-lah seperti berikut :

Bahagian laki2: Lompat pagar 40 ela, P. Harry; Lompat tinggi bergalah, George Chong; Lumba lari 100 ela, Junaidi Hamdan; Lumba lari 440 ela, Stephan Yong; Lompat jauh, M. Maturine; Lumba lari 1 batu, Joseph Chin; Membaling lembing, A.S.J. Dye; Lompat tinggi, William Yeo.

Belait menang melawan Brunei

KUALA BELAIT. — Daerah Belait telah mengalahkan Daerah Brunei dengan 3 gol berbalas 2 dalam perlawanan bola sepak di-Padang Kuala Belait pada petang 9 July.

Perlawanan tersebut telah di-langsungkan sa-bagai salah satu ranchangan sambutan keberangkatan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu oleh penduduk2 di-daerah Belait.

Ini-lah kali yang kedua di-adakan perlawanan bola sepak antara tersebut.

Pada kali yang pertama pasukan Daerah Belait telah mengalahkan pasukan Daerah Brunei dengan 3 gol berbalas 2 di-Padang itu juga dalam temasha sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen pada malam 13 June yang lalu.

Lumba lari 880 ela, Mohamed Awang Besar; Lumba lari 220 ela, Junaidi Hamdan; Membaling peluru, A. Sibidol.

Lompat kijang telah di-menangi oleh Michael Maturine.

Lumba lari lompat pagar 120 ela, D. Ragam; Membaling piring besi, A. Sibidol; Lumba lari 3 batu, Jaafar Awang Besar; Lum-

ba lari berganti2 440 ela, Sekolah Pertukangan Seria.

Bahagian Wanita: Lumba lari 100 ela, Rose Chong; Membaling piring besi, Innei Sibidol; Lumba lari lompat pagar 80 meter Rose Chong; Lumba lari 220 ela, Rose Chong; Membaling peluru, Innei Sibidol; Lompat tinggi, Wong Moon Yun.

Membaling lembing, Innei Sibidol dan lumba lari berganti2 440 ela, Saint Angela Convent.

\$20 JUTA DI-BELANJAKAN KERANA PERKEMBANGAN PELAJARAN

BANDAR BRUNEI. — Tuan H.J. Padmore, Pegawai Pelajaran Brunei berkata bahawa kejayaan besar yang telah dapat di-chapai dalam ranchangan pertama atas perkembangan pelajaran di-negeri ini ia-lah latchesan guru dan pelajaran di-sekolah2 menengah.

Tuan Padmore memberi pendapat-nya sa-belum terbang ka-Singapura baharu2 ini dalam perjalanan-nya balek ka-England kerana berchuti panjang.

Beliau berkata bahawa di-ba-

wah ranchangan kedua pula pelajaran teknik akan mendapat perhatian yang lebeh luas. Dibawah ranchangan itu ada kemungkinan bagi sekolah2 permulaan di-pisahkan dari sekolah2 menengah.

Semenjak ranchangan perkembangan pelajaran itu di-jalankan lebeh \$20,000,000 telah di-belanjakan. Sekarang bilangan murid2 laki2 dan perempuan yang lulus dari sekolah2 Brunei telah bertambah.

Brunei, kata Tuan Padmore, maseh mundor dalam segi pelajaran tetapi kemajuan yang telah di-chapai-nya itu ada-lah memuaskan.

Tarian asli di-Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pelawat2 Diraja Persekutuan Tanah Melayu, Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong telah di-hiborkan dengan kesenian asli Brunei di-majlis2 jamuan yang di-adakan di-sini dan Kuala Belait.

Di-Brunei empat tarian asli dan tiga gaya pakaian lama telah di-pertunjukkan dan di-Kuala Belait kesenian Belait pula telah di-pertunjukkan di-rumah Penolong Resident, Yang Berhormat Pengiran Abu Bakar.

Antara tarian2 itu ia-lah Yadan-Yadan Na berasal dari Tanah Arab.

Anding Mambang yang menjadi kesukaan kaum tani itu telah di-pertunjukkan di-dewan Civic Centre, di-sini.

Sama Lendang dan Adai2 Naindung kedua2-nya tarian lama Brunei telah di-pertunjukkan di-dewan Civic Centre dan juga di-majlis jamuan di-Istana Darul Hana.

Pakaian2 lama itu merupakan pakaian Orang Kaya Besar Imas, chara2 pakaian pengantin dan pakaian kaum tani.

BUANG NEGERI

BANDAR BRUNEI.—George Edward Muriel yang telah memberi keterangan penting dalam penyisatan atas kematian sa-orang budak laki2 China di-sini pada awal tahun ini telah di-buang negeri di-bawah undang2 Imigresen.

Ia telah di-terbangkan ka-Singapura pada 2 July dan dari situ akan meniki kapal untuk di-bawa ka-India.

LUMBA PERAHU MENYAMBUK PELAWAT2 DIRAJA

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raja Permaisuri Agong; Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri Brunei ia-lah di-antara yang hadhir di-temasha lumba perahu di-Sungai Brunei pada hari Thalatha 7 July ini.

Temasha itu telah di-langsungkan sa-panjang hari sa-bagai satu ranchangan sambutan keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raja Permaisuri Agong Persekutuan Tanah Melayu ka-Bandar Brunei dan di-selenggarakan oleh Brunei Rowing Klab.

Hadiah2 kapada pehak yang berjaya telah di-sampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raja Permaisuri Agong.

PANCHARAGAM PERSEKUTUAN DAN BRUNEI BERSAMA BERMAIN

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Pancharagam Polis Persekutuan Tanah Melayu telah datang ka-Brunei bagi kali pertama-nya kerana menjokan permainan mereka sa-masa Duli Yang Maha Mulia Baginda Yang Dipertuan Agong melawat ka-sini.

Pancharagam itu telah mendapat sambutan baik daripada penduduk2 negeri ini.

Beribu2 orang telah datang kapadang Bandar Brunei mendengar bunyi2an yang dimainkan oleh pasukan itu pada petang hari.

Pancharagam itu telah bersama dengan pasukan pancharagam

Polis Brunei menyambut ketibaan Yang di-Pertuan Agong di-lapangan terbang Berakas pada 6 July.

Pada petang 7 July sa-bahagian dari anggota2 pasukan itu telah bermain di-Civic Centre apabila Majlis Jamuan Agong di-adakan.

Pancharagam Polis Persekutuan itu di-pimpin oleh Tuan A. W. Crofts.

PERSEMBAHAN DARIPADA WARGANEGARA

SERIA. — Sa-buah terenang bunga yang di-buat dari perak telah di-persembahkan kapada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Persekutuan Tanah Melayu oleh warga negara Persekutuan di-sini pada malam 9 July.

Persembahan itu telah di-adakan sa-chara private di-Istana Kota Manggalela, tempat baginda bersemayam dalam lawatan Ka-Seria/Belait.

Terenang itu di-buat oleh tukang perak Brunei dan telah di-sampaikan oleh Inche Abdul Samad sa-orang pekerja sharikat B.S.P.

Pameran gambar pelukis China

BANDAR BRUNEI. — Tuan Bok Chen sa-orang pelukis yang mashhor dari Hongkong telah menjokkan 400 keping gambar lukisan-nya di-rumah No. 72 Jalan Chevalier di-sini baharu2 ini.

Pameran gambar itu telah dibuka oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha.

Kedatangan Tuan Bok ka-Brunei telah di-anjorkan oleh Dato Temenggong.

POLIS DIRAJA SAMBUT SERI PADUKA



Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong telah mengadakan lawatan mengejut ka-perkhemahan pasokan Polis Persekutuan di-Seria. Sambil Seri Paduka bercheramah dengan anggota pasokan itu Raja Permaisuri Agong telah mengunjongi anak isteri mereka di-barrack.

Seludupan hasil Kalimantan ka-Sarawak

JAKARTA. — Sa-bahagian besar dari hasil Indonesia adalah di-beritakan di-sini baharu2 ini telah di-seludup ka-Negeri2 Sarawak dan Borneo Utara dengan melalui jalan2 dalam hutan.

Jalan2 itu di-panggilkan sabagai "Jalan2 Tikus" dan telah diperchayai kira2 80 daripada-nya telah di-gunakan.

Sharikat Berita Antara telah mengatakan bahawa penyeludup2 telah dapat di-tawan tetapi ada yang telah dapat melarikan diri ka-tempat2 bersembunyi.

Antara sa-lanjut-nya menyatakan perkara itu hanya dapat diatasi dengan mengadakan pusat2 kastam.

Anchaman chachar dari Indonesia di-Singapura

SINGAPURA. — Kerajaan Singapura sekarang waspada atas kemungkinan penyakit chachar berjangkit dari Indonesia.

Penyakit itu baharu2 ini telah berjangkit ka-Singapura dari India dan dua orang telah mati akibat-nya.

Baharu2 ini Kerajaan Singapura telah mengumumkan bahawa Indonesia ia-lah sa-buah negara yang telah di-jangkit oleh penyakit chachar itu.

Pegawai2 kesihatan sekarang ini mengadakan peperiksaan yang ketat ka-atas orang2 yang datang ka-Singapura dari Indonesia.

TERIMA KASEH ATAS BUDI DAN BANTUAN DARI BRUNEI

(Dari muka 1)

jokan kokoh-nya muhibbah dan persaudaraan di-antara kedua2 buah negri dan ra'ayat kita.

Kakanda berdo'a kapada Tuhan Rabbul 'alamin barang kiranya batu tanda itu menjadi alat yang akan membawa perhubungan kita bertambah2 kokoh lagi pada masa ka hadapan.

Kakanda amat-lah gembira serta berasa megah melihat segala kemajuan yang Paduka Adinda sendiri telah membina bagi fa'edah ra'ayat2 serta segala penduduk2 Negeri Brunei.

Maka satu daripada-nya ia-lah bangunan Masjid Omar Ali Saifuddin yang permai. Masjid ini ia-lah satu masjid yang sangat chantek dan terbesar sa-kali diseluruh tenggara Benua Asia ini.

Kekanda berdo'a mudah2an tanda kebijaksanaan Paduka Adinda itu akan menjadi chontoh tuladan kapada Negri Brunei Darul-Salam di-masa yang akan datang kelak. Kekanda menguchap shukor ka-hadhrat Tuhan kerana mengurniakan sa-buah Kerajaan yang bijaksana, kemajuan yang kekal dan keadaan aman kemaamoran ka-atas Negri Brunei ini.

Pada akhir-nya sa-kali lagi kakanda menguchapkan sa-tinggi, terima kaseh atas perasaan kerjasama dan tolong menolong di-antara satu dengan lain yang Paduka Adinda telah menunjukan kapada Kerajaan kekanda di-Persekutuan Tanah Melayu.

Oleh kerana urusan2 di-Persekutuan Tanah Melayu maka kakanda tersangat-lah berdukacita ta' dapat melanjutkan lawatan kekanda ini.

Sa-sungguh-nya di-dalam masa yang pendek itu kakanda telah mendapat beberapa banyak fa'edah dan pandangan yang berharga berkenan dengan tali persaudaraan dan persahabatan di-antara kedua2 buah negri kita ini.

Kekanda dan Paduka Kakanda Raja Permaisuri Agong serta sakalian ahli2 rombongan kakanda akan membawa balek ka-Persekutuan Tanah Melayu muhibbah dan ingatan budi adinda dan Kerajaan Negri Brunei. Perasaan muhibbah dan budi itu tidak akan di-lupai sa-lama2-nya.

LAWATAN INI SA-MOGA BERTURUT2 LAGI DI-MASA YANG AKAN DATANG

(Dari muka 4)

kakanda serta kakanda Raja Permaisuri Agong akan sentiasa berada dalam lindongan Allah Subhanahu Wataala dan akan berkesempatan bersiar2 serta beroleh kerehatan dan kemudahan yang mengembirakan mengikut apa yang terdaya oleh keadaan Brunei masa ini.

Paduka kakanda,

Sungguh belum puas rasa-nya adinda serta Duli Raja Isteri bertemu mesra dengan Paduka kakanda kedua, rasa-nya ingin adinda hendak melihat paduka kakanda kedua, agak lebeh lama lagi bersemayam di-Brunei, supaya dapat kita bersama2.

Tapi adinda faham, oleh kerana Paduka kakanda mempunyai beberapa ranchangan dan kewajipan yang penting akan di-selesaikan, maka dengan perasaan yang maseh rin-

SEKATAN ATAS KEMASOKAN ORANG ASING

KUALA LUMPUR. — Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu baharu2 ini telah berkata di-sini bahawa satu penchehagan ba orang2 asing masuk ka-Persekutuan Tanah Melayu harus diadakan.

Satu kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Menteri Luar Negeri berkata bahawa kebenaran khas mungkin di-berikan kapada orang2 asing yang akan memasuki Malaya atas urusan atau bab2 yang dapat di-pertimbangkan.

Ini telah di-umumkan sa-lepelah pembangkang mengemukakan perkara mengenai kekesalan penduduk2 di-sini yang mempunyai anak atau ibu-bapa di-Negeri China atau India.

Tuan D.R. Seenivasagam telah bertanya berkenaan treaty persahabatan antara Malaya dan Indonesia dan membuat pertanyaan bagaimana hal-nya tentang Negeri2 China dan India.

Penegasan telah di-berikan oleh Menteri Luar bahawa treaty itu bukan-nya menyentoh atau mengubah undang2 imigresen Malaya. Orang2 Indonesia jugat terpaksa mendapat kebenaran masuk ka-Malaya saperti orang2 asing.

Jemputan ka-Siam

BANGKOK. — Jema'ah Menteri Negeri Siam telah berchadang hendak menjemput Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu melawat ka-negeri ini, demikian di-fahamkan dari satu puncha yang dapat di-perchayai.

Adinda serta Duli Raja Isteri serta ra'ayat adinda menguchapkan selamat berangkat ka-Tanah Ayer Malaya yang merdeka, sa-moga Paduka kakanda serta Paduka Kakanda Raja Permaisuri Agong serta rombongan akan selamat dan sehat afiat dan sa-moga Allah Subhanahu Wataala akan memberi rahmat-nya bagi keselamatan Paduka kakanda.

Adinda berharap lawatan muhibbah Paduka kakanda ini bukan-lah keberangkatan yang pertama dan penghabisan tapi ada-lah lawatan penchubatan yang mana adinda berdo'a lawatan muhibbah saperti ini akan berturut2 lagi di-masa2 yang akan datang.

Sa-kianlah sa-kali lagi adinda berdo'a mudah2an Paduka kakanda akan sentiasa dalam peliharaan Allah Subhanahu Wataala.